

Lebih 4,000 pelajar nikmati Food Bank Siswa

Batu Pahat: Lebih 4,000 pelajar dari 14 universiti awam (UA) di seluruh negara sudah menikmati inisiatif Program Food Bank Siswa sejak ia diperkenalkan pada Mac lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen, berkata pihaknya menjangkakan lebih ramai pelajar UA akan dapat menikmati kemudahan Food Bank Siswa apabila ia dapat dilancarkan ke 20 UA di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

"Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah UA ke-14 sejak Program Food Bank Siswa ini diperkenalkan yang berkonsepkan daripada mahasiswa kepada mahasiswa.

"Sebagai permulaan pelaksanaan Program Food Bank Siswa di sini, seramai 200 pelajar UTHM yang sudah dikenal pasti dan layak untuk menerima bantuan daripada inisiatif ini.

"Program ini turut menerima sumbangan daripada 13 syarikat yang menjadi rakan penaja dan ia digerakkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM, Gerakan Pengguna Siswa (GPS) UTHM dan Kenchara Soup Kitchen," katanya pada Majlis Pelancaran Program Food Bank Siswa UTHM di Dewan Tunku Mahkota Ismail UTHM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Muez Abd Aziz dan Naib Can-

selor UTHM, Prof Datuk Dr Wahid Razzaly.

Chieng Jen berkata, pihaknya berharap akan dapat menyalurkan inisiatif itu kepada seramai mungkin pelajar memerlukan apabila program berkenaan dapat dilaksanakan di 20 UA menjelang akhir tahun seperti disasarkan KPDNHEP sebelum ini.

Katanya, kementerianya merancang untuk memperluaskan Program Food Bank Siswa ini ke 123 universiti swasta, maktab perguruan dan politeknik supaya inisiatif itu akan memberi manfaat kepada golongan pelajar yang memerlukan kelak.

Sementara itu, ditanya sama ada KPDNHEP menerima aduan mengenai kenaikan harga topeng muka ketika cuaca jerebu me-

landa negara ini, Chieng Jen berkata, pihaknya masih belum menerima aduan, tetapi akan membuat pemantauan.

"Topeng muka antara barangan kawalan dan kita ada harga siling. Kita akan sebarkan maklumat harga maksimum ini kepada orang ramai dan jika sesiapa yang dapati ada peniaga menaikkan harga dari senarai harga yang ditetapkan, mereka boleh dikenakan tindakan tegas.

"Tindakan tegas ini termasuk mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan yang memperuntukkan denda sehingga RM500,000 bagi syarikat, manakala bagi individu pula boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 mengikut seksyen yang sama," katanya.